

Sambutan luar jangka

Pengunjung ambil peluang dapatkan maklumat berkaitan kursus Mara

WAN MOHD NOOR HAFIZ
WAN MANSOR

ALOR SETAR

Ribuan pengunjung menyerbu Karnival Institusi Pendidikan Mara (IPMA) Peringkat Negeri Kedah 2019 di Maktab Mahmud, dekat sini seawal jam 10 pagi, semalam.

Pengarah Mara Negeri Kedah, Yahaya Sani berkata, sambutan di luar jangkaan itu disifatkan sebagai mencapai sasaran dalam usaha pihaknya mengetengahkan institusi dan agensi yang berada di bawah Mara di seluruh negara.

Menurutnya, kehadiran pengunjung yang hadir dijangka melebihi sasaran awal pihaknya iaitu kira-kira 15,000 orang bagi tempoh dua hari karnival iaitu sehingga hari ini.

"Sambutan cukup luar biasa ditunjukkan pengunjung terutamanya bukan sahaja lepasan SPM ataupun STPM tetapi ada juga orang awam yang hadir untuk mendapatkan maklumat tentang kursus-kursus yang ditawarkan di bawah institusi ataupun agensi milik Mara.

"Selain itu mereka juga mendapat khidmat nasihat berhubung tajaan di bawah penganjuran pelajaran Mara. Sesi taklimat juga diberikan untuk memberikan penjelasan berhubung kursus-kursus yang dijalankan Mara," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Yahaya berkata, karnival tersebut



Dewan Maktab Mahmud mula dipenuhi orang ramai seawal jam 10 pagi, semalam.

turut disertai rakan-rakan strategik Mara seperti Lembaga Zakat Negeri Kedah dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dalam usaha pelajar mendapatkan maklumat berkaitan pinjaman ataupun sumbangan zakat.

Jelasnya, selain bidang pendidikan pihaknya turut memberi peluang kepada usahawan yang sebelum ini mendapatkan khidmat nasihat Mara menyertai karnival tersebut.

"Di samping itu program ini juga dimeriahkan dengan kehadiran usahawan seperti usahawan kedai cermin mata menyediakan khidmat pemeriksaan mata percuma termasuk memberikan diskaun kepada pelanggan.

"Karnival ini juga disertai Kelab Food Truck Negeri Kedah apabila sebanyak tujuh trak yang menyediakan pelbagai makanan turut berada di sini selama dua hari bagi memudahkan pengunjung untuk membeli makanan," katanya.

Tambah Yahaya, Mara adalah sebuah agensi yang bukan sahaja meliputi



Lepasan SPM, STPM dan orang awam memenuhi ruang Dewan Maktab Mahmud, Alor Setar.

bidang pendidikan tetapi juga turut menyentuh hal berkaitan usahawan di mana ia selaras dengan moto pihaknya iaitu keusahawanan dan pendidikan global.

"Walaupun dewan tempat diadakan karnival ini sedikit terlindung namun sambutan tetap menggalakkan.

"Promosi tentang karnival ini masih lagi berjalan seperti biasa di Facebook rasmi kami dan media-media lain. Se-

mula lepasan SPM, STPM dan orang awam dijemput untuk hadir agar tidak ketinggalan mendapatkan maklumat pendidikan yang disediakan Mara," katanya.

Karnival tersebut adalah salah satu siri dari 15 tempat yang diadakan pada setiap minggu di seluruh negara bermula Mac sehingga April ini dan Kedah adalah lokasi keempat selepas Kuala Lumpur, Selangor dan Sabah.



Yahaya (dua, kiri) membantu memberikan penerangan kepada pengunjung Karnival IPMA 2019.



Yahaya (enam, kanan) bersama jawatankuasa dan sebahagian petugas yang menjayakan Karnival IPMA peringkat Kedah 2019.